


Isi tempat kosong dengan nilai yang betul.

Latihan 2.1(a): Penyelesaian masalah melibatkan jarak, sesaran, laju, halaju, pecutan dan nyahpecutan.

(1) Seorang budak mengayuh basikal sejauh 2 km dari rumahnya menuju ke sebuah kedai. Selepas itu, dia balik dan dalam perjalanan balik, dia berhenti di sebuah warung yang berada sejauh 1.2 km dari rumahnya. Berapakah (a) Jumlah jarak budak itu mengayuh basikal dari rumah ke warung. (b) Jumlah sesaran budak itu mengayuh basikal dari rumah ke warung.	Penyelesaian: a) Jumlah jarak = _____ km b) jumlah sesaran = _____ km
(2) Seorang pelari 400 m mengambil masa 1 minit 12 saat untuk menamatkan lariannya. Tentukan laju puratanya.	Penyelesaian: $\text{laju purata} = \frac{\text{Jarak (m)}}{\text{masa (s)}}$ = _____ ms^{-1}
(3) Seorang peserta acara jalan kaki bermula dari titik P ke Q ke arah timur sejauh 500 m dan kemudiannya ke utara menuju R sejauh 1200 m lagi. Jumlah masa yang diambil untuk bergerak dari P ke R adalah 3 minit 20 saat. Tentukan (a) Jumlah jarak (b) Sesaran (c) Laju purata (d) Halaju purata 	Penyelesaian: a) Jumlah jarak = _____ m b) Sesaran = _____ m c) laju purata = _____ = _____ ms^{-1} d) halaju purata = _____ = _____ ms^{-1}
(4) Sebuah kereta bermula dari keadaan pegun dan memecut secara seragam supaya mencapai halaju 40 ms^{-1} dalam masa 10 saat. Kemudian kereta itu memperlahankan keretanya dan selepas 5 saat, kereta itu berhenti. Tentukan (a) Pecutan kereta pada 10 saat pertama (b) Pecutan kereta 5 saat berikutnya.	Penyelesaian: $u = \text{ms}^{-1}$ $v = \text{ms}^{-1}$ $t = \text{s}$ (a) $a = \text{_____} = \text{ms}^{-2}$ (b) $u = \text{ms}^{-1}$ $v = \text{ms}^{-1}$ $t = \text{s}$ $a = \text{_____} = \text{ms}^{-2}$